

# PPV UMS terima pelbagai sumbangan

UB 24.06.2021 P. 03

**KOTAKINABALU:** Pusat Pemberian Vaksin Institusi Pendidikan Tinggi (PPVIPT) Universiti Malaysia Sabah (UMS) menerima sumbangan dari pelbagai agensi luar bagi membantu petugas dan sukarelawan dalam menjalankan tugas.

Terkini pihak pengurusan Agrobank melalui Kelab Rekreasi dan Kakitangan Agrobank turut menyampaikan sumbangan wang berjumlah RM1,000 untuk dimanfaatkan sebaiknya bagi keperluan PPVIPT UMS.

Sumbangan berkenaan disampaikan oleh Eksekutif Disbursement Agrobank Kota Kinabalu Aisyah Biran kepada Pengarah Pusat Rawatan Warga UMS Dr. Muhammad Syafiq Abdullah dalam satu acara ringkas di PPVIPT UMS.

Aisyah ketika ditemui berkata, sumbangan itu diharap mampu membantu para petugas dalam memastikan proses pemberian vaksinasi berjalan dengan lancar.

"Inisiatif ini diusahakan bagi mempermudahkan masyarakat setempat termasuk para kakitangan bank yang juga tergolong dalam pekerja perkhemmatan perlu untuk mendapatkan suntikan vaksin dalam masa terdekat," katanya.

Beliau turut memuji kemudahan PPVIPT UMS yang lebih selesa dan teratur, serta petugas dan sukarelawan yang banyak membantu para penerima vaksin.

Hadir sama, Ketua Jabatan

Asas Komuniti, Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan (FPSK) Prof. Madya Dr. Syed Sharizman Syed Abdul Rahim; Ketua Bahagian Sumber Manusia, Jabatan Pendaftar Kamisah Husin; Timbalan Pengarah (Pengurusan dan Operasi) Hospital UMS, Samsuidin Nurdin; dan Eksekutif Agrobank Saimah Awang Matsalleh, Rashidah Kasim dan Jaidi Harun.

PPVIPT UMS turut menerima sumbangan berupa makanan kering dan minuman bagi menampung keperluan para petugas di PPVIPT.

Sumbangan disampaikan oleh Datin Norlizah Awang Ahmad, isteri kepada Ahli Parlimen Sepanggar Datuk Azis Jamman dalam satu acara ringkas di Kompleks Dewan Kuliah Pusat Ke-2 yang menjadi lokasi PPVIPT UMS.

Sumbangan berkenaan sebagai tanda sokongan kepada petugas barisan hadapan dan sukarelawan PPVIPT UMS dalam meningkatkan lagi jumlah pemberian vaksin dalam kalangan masyarakat bagi mencapai imuniti berkelompok.

Sehingga semalam, PPVIPT UMS mencapai pemberian 1,806 dos suntikan vaksin kepada masyarakat sekitar Kota Kinabalu sejak dibuka pada 14 Jun lalu.

**SUMBANGAN:** Muhammad Syafiq (tiga kiri) mewakili PPV UMS menerima sumbangan daripada Aisyah (tiga kanan).



**PRIHATIN:** Norlizah (tiga kanan) menyampaikan sumbangan makanan kering dan minuman kepada petugas barisan hadapan di PPV UMS.

